



KAJIAN PEMAHAMAN, PERSEPSI DAN PENERIMAAN BELIA DI SABAH DAN SARAWAK TERHADAP GAGASAN 1MALAYSIA

BARISAN PENYELIDIK

**PROF. MADYA. DR. SARJIT SINGH DARSHAN SINGH (KETUA PENYELIDIK)
PROF. DR JAYUM ANAK JAWAN
PROF. MADYA DR. ZAID AHMAD
DR. AHMAD TARMIZI TALIB
DR.CHARANJIT KAUR
SDR MOHD RAHIMI RAMLI
SDR ZULHAIRI ZAINAL**

2013

RINGKASAN EKSEKUTIF

KAJIAN PEMAHAMAN, PERSEPSI DAN PENERIMAAN BELIA DI SABAH DAN SARAWAK TERHADAP GAGASAN 1MALAYSIA

1. PENGENALAN

Malaysia merupakan sebuah negara sedang membangun dan sedang bersaing untuk mencapai kemajuan seperti negara maju, iaitu Amerika Syarikat, Britain dan sebagainya. Oleh itu, Malaysia meletakkan sasaran untuk mencapai status negara maju ketika tahun 2020.

Namun, banyak perkara yang perlu diberi perhatian dalam mengejar pembangunan kerana pelbagai aspek perlu dipadankan dengan kepelbagaian kaum dan budaya yang terbentuk melalui sejarah pembentukan negara. Perkara utama yang perlu ditekankan adalah perpaduan antara kaum mesti diperkukuhkan terlebih dahulu supaya kemajuan yang ingin dicapai sama-sama dinikmati.

2. KONSEP GAGASAN 1 MALAYSIA (G1M)

Gagasan 1 Malaysia: "Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan". telah diperkenalkan oleh Dato' Seri Najib Tun Razak pada April 2009 sebaik sahaja beliau memegang jawatan sebagai Perdana Menteri Malaysia. Kecelaruhan mulai timbul tentang pemahaman G1M, di mana pelbagai interpretasi berbeza dibahas dalam memahami gagasan berkenaan.

Pelbagai program telah dan sedang dilaksanakan oleh pihak pemerintah untuk meningkatkan semangat cintakan negara dalam kalangan generasi muda. Antaranya Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) merupakan satu usaha kerajaan mempertingkatkan perpaduan, selain menanam semangat patriotisme. 1 Malaysia dilihat sebagai kesinambungan kepada usaha gigih kerajaan membina negara bangsa mengikut acuan Malaysia.

Kecemerlangan dan hala tuju negara semestinya berteraskan perpaduan yang utuh dan bertepatan dengan G1M yang menekankan semangat perpaduan dan ikatan kekitaan antara kaum di kalangan rakyat Malaysia. Tidak keterlaluan jika G1M sebagai satu formula untuk merealisasikan aspirasi negara, iaitu Wawasan 2020 dapat dicapai jika semua rakyat berpegang kepada tanggungjawab sosial kepada negara.

G1M menekankan kepada asas kepada prinsip keadilan untuk semua kaum di mana nasib semua kaum akan terbela dan tiada mana-mana pihak akan dipinggirkan. Keadilan mengambil kira taraf kemajuan kaum-kaum lain yang berada pada tahap yang berbeza. Oleh itu, dasar-dasar kerajaan dan peruntukan-peruntukan Perlembagaan memberikan pembelaan kepada golongan yang memerlukan.

3. PERNYATAAN MASALAH

Idea G1M sudah lebih 4 tahun diperkenalkan. Adakah golongan belia memahami intipati G1M? Apakah persepsi mereka terhadap G1M yang mementingkan tema perpaduan? Bagaimana tahap penerimaan serta penglibatan belia terhadap program dan aktiviti G1M? Persoalan tersebut perlu dirungkai kerana golongan belia merupakan penggerak dan pemangkin ke arah mencapai negara maju menjelang tahun 2020.

4. OBJEKTIF DAN SKOP KAJIAN

- a) Mengetahui pasti pemahaman belia di Sabah dan Sarawak terhadap G1M
- b) Mengetahui pasti persepsi golongan belia di Sabah dan Sarawak terhadap G1M
- c) Mengukur tahap penerimaan golongan belia di Sabah dan Sarawak terhadap G1M yang mementingkan semangat perpaduan
- d) Mengetahui pasti penglibatan golongan belia di Sabah dan Sarawak dalam program dan aktiviti G1M

5. METODOLOGI KAJIAN

a) **Rekabentuk Kajian**

Kajian Kuantitatif dan data dikumpul melalui borang soal-selidik (survei).

b) **Persampelan**

Responden terdiri daripada 400 orang belia berumur 18-40 tahun dan dipilih secara rawak mudah (*random stratified sampling*).

c) **Lokasi**

Kota Kinabalu dan Papar, Sabah

Kuching, Miri dan Bintulu, Sarawak

6. DAPATAN KAJIAN

- a) Pemahaman belia di Sabah dan Sarawak berada pada tahap rendah terhadap G1M
- b) Persepsi belia di Sabah dan Sarawak berada pada tahap negatif terhadap G1M
- c) Penerimaan belia di Sabah dan Sarawak berada pada tahap sederhana terhadap G1M yang mementingkan semangat perpaduan
- d) Tahap penglibatan belia di Sabah dan Sarawak dalam program dan aktiviti G1M berada pada tahap rendah.

7. IMPLIKASI KAJIAN

G1M adalah antara dasar pemerintah untuk memperkukuhkan perpaduan kaum. Namun majoriti responden masih kurang memahami G1M ini sebagai wadah penyatuan bagi membentuk perpaduan antara kaum yang lebih utuh.

Penerimaan dan penglibatan responden masih kurang mernuaskan dan memberi mesej dan maklumat yang jelas kepada kerajaan bahawa G1M masih belum mencapai objektifnya. Kekurangan program dan maklumat yang berterusan mengenai G1M adalah faktor utama kepada kekurangan penglibatan belia di lokasi kajian.

8. SARANAN KAJIAN

- a) Kerajaan perlu mengambil perhatian dalam mempromosikan Gagasan 1 Malaysia secara lebih meluas di Sabah dan Sarawak sebagai salah satu wadah dalam mencapai hasrat penyatuan nasional.
- b) Memperkasakan G1M dengan memfokuskan aktiviti ke arah objektif pelaksanaan G1M tanpa mengira latar belakang tempat, kaum dan pegangan politik.
- c) Penjenamaan semula G1M agar lebih tersusun, berfokus dan menjurus kepada semangat keterangkuman demi membina hubungan etnik yang lebih harmonis.